

RANCANGAN PERNIAGAAN

KEDAI JAHIT PAKAIAN LELAKI

Disediakan Oleh :

Mohamed bin Abdullah.

Peserta Program Skim Latihan Perniagaan Bagi
Kakitangan Kerajaan Kump B/C Siri Ke 18.

KANDUNGAN

	<u>M/s</u>
Pengenalan	1
Tujuan Rancangan Peniagaan	3
Latar Belakang Perusahaan	3
Latar Belakang Pemilik	4
Rancangan Pentadbiran	5 - 13
Rancangan Pemasaran	14 - 23
Rancangan Operasi	24 - 35
Rancangan Kewangan	36 - 45
Rumusan	46
LampiranA - Sebut Harga Mesin Jahit	
LampiranB - Peta Lokasi Pekan Wakaf Bharu	

BAHAGIAN 1 :

PENGENALAN

Pakaian adalah merupakan keperluan asas yang utama di dalam hidup seseorang, iaitu selain daripada makan dan tempat tinggal. Setiap orang memerlukan pakaian yang sempurna di dalam menjalani kehidupan harian. Dengan kemajuan dan perkembangan ekonomi negara yang semakin pulih, permintaan dari segi pasaran pakaian juga turut meningkat.

Pada masa ini terdapat banyak pakaian yang telah siap “ Ready made ” di pasaran, namun begitu masih banyak lagi keperluan / permintaan bagi pakaian yang dijahit mengikut ukuran badan, dimana ianya lebih selesa dan kemas dipakai. Menyedari hakikat ini dan peluang yang ada maka satu kedai menjahit pakaian untuk lelaki dirancang untuk dibuka di Pekan Wakaf Bharu, Kelantan dan dikenali sebagai Kedai Jahit Gaya (Gaya Tailor).

BAHAGIAN 2 :

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Rancangan Perniagaan ini disediakan untuk:

1. **Dijadikan pedoman dan garis panduan bagi menguruskan perusahaan dengan lebih cekap dan teratur.**
2. **Menilai projek yang akan dijalankan samada ianya berdaya maju atau tidak, dan mengatasi segala kelemahan yang ada.**
3. **Mencari rakan kongsi yang bersesuaian.**

BAHAGIAN 3 :

LATAR BELAKANG PERUSAHAAN

Nama Perusahaan : KEDAI JAHIT GAYA

Alamat Perusahaan : NO. 6, JALAN MARKET
PEKAN WAKAF BHARU,
17100 KELANTAN.
(BERHAMPIRAN PASAR
WAKAF BHARU)

No. Pendaftaran Perusahaan : AKAN DIDAFTARKAN

Jenis Perusahaan : MENJAHIT PAKAIAN LELAKI

Status Perusahaan : PERSEORANGAN

Tarikh Pendaftaran Perusahaan : AKAN DI DAFTAR

Tarikh Perusahaan Bermula : 01/05/2001

Nama Bank : MALAYAN BANKING BERHAD

No. Akaun Bank : 224350-854232

Modal Permulaan : RM 26,000.00